

05/09/1998

Klasifikasi semula NPL bantu lunaskan hutang

Azli Ayob

LANGKAH mengklasifikasikan pinjaman tidak berbayar (NPL) bank daripada tiga kepada enam bulan akan memberi ruang lebih besar kepada peminjam menggiatkan usaha memperolehi sumber bagi melunaskan hutang.

Langkah itu seterusnya mengurangkan peratus NPL industri kepada satu jumlah lebih kecil yang menggambarkan prestasi bank lebih baik.

Sumber industri menganggarkan jumlah NPL sekarang adalah sebanyak RM32 bilion dan ia dijangka meningkat kepada RM100 bilion tahun depan.

Profesor Madya di Jabatan Kewangan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Fauzias Mat Noor, berkata dalam keadaan ekonomi sekarang adalah wajar mengklasifikasikan kegagalan membayar balik pinjaman dalam masa enam bulan sebagai NPL.

"Memandangkan ada beberapa kesulitan ekonomi semasa, syarikat seharusnya diberi peluang lebih lama mencari sumber," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Perdana Menteri baru-baru ini mengkritik langkah Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) menganjukkan NPL daripada enam bulan kepada tiga bulan - situasi yang dianggapnya menimbulkan masalah kepada syarikat swasta.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga berkata, kerajaan membayangkan kemungkinan menyemak semula definisi NPL sebagai salah satu langkah pemulihan ekonomi.

"Kita berharap dapat melakukan apa yang dilakukan negara lain, yang mana tiada had masa kepada NPL sama ada enam bulan atau sembilan bulan. Kita tidak merancang melakukannya... tetapi kita sedang memikirkannya," katanya.

Tahap NPL meningkat sejak Bank Negara mulai tahun lalu mengklasifikasikan hutang yang tertunggak selama tiga bulan sebagai NPL.

Fauzias berkata, pada waktu ekonomi cergas adalah wajar menjadikan tiga bulan sebagai pengukur memandangkan keperluan kepada penyediaan kecairan yang besar bagi menggerakkan ekonomi.

"Langkah ini sekali gus mendisiplinkan syarikat yang menjadi peminjam," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, terpulang kepada bank terutama dalam situasi sekarang bagi menetapkan tempoh klasifikasi NPL walaupun ada garis panduan khusus dikeluarkan Bank Negara Malaysia di bawah peruntukan amnya.

Peruntukan am merujuk perlindungan bagi pendedahan hutang lapuk serta ragu bagi keseluruhan jumlah pemberian pinjaman sebuah bank manakala peruntukan khas pula perlindungan pendedahan bagi hutang lapuk serta ragu bank kepada pelanggan tertentu.

Peruntukan am bagi hutang lapuk dan ragu yang ditetapkan Bank Negara ialah 1.5 peratus daripada jumlah pemberian pinjaman sesebuah bank.

Fauzias berkata, penumpuan khusus kepada pengurangan NPL adalah perlu bagi menjana semula ekonomi menerusi kegiatan pemberian pinjaman bank kepada syarikat.

Keupayaan membayar balik pinjaman, menurutnya, akan memberi peluang kepada pihak lain menggunakan sumber pembiayaan itu bagi kegiatan perniagaan syarikat.

"Aliran modal dalam sistem adalah penting kerana ia menjadi faktor yang menggerakkan sumber ekonomi di sesebuah negara," katanya.

Beliau berkata, cergas atau lembap ekonomi antaranya bergantung kepada sejauh mana kecairan modal yang ada dalam sistem.

Ditanya adakah fungsi Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta) akan

berkurangan jika NPL industri berkurangan beliau berkata: "Ia terpulang kepada bank sama ada mahu menjual atau tidak NPLnya... fungsi mungkin berkurangan tetapi itu urusan kerajaan...saya kurang pasti," katanya.

Sementara itu, peruntukan perlindungan kerugian hutang begitu tinggi yang menyumbang kepada kemerosotan keuntungan Malayan Banking Bhd (Maybank) baru-baru ini, dilihat oleh penganalisis perbankan serta pakar kewangan sebagai bukti langkah berhemat bank terbesar itu khususnya dan sistem perbankan tempatan amnya.

Penganalisis dan ahli kewangan terbabit turut melihat peruntukan tinggi pinjaman tidak berbayar (NPL) oleh bank terbesar tempatan itu sebagai 'rezab tersembunyi' yang dijangka menyumbang kepada keuntungan yang tinggi pada tahun kewangan akan datang.

Menurut mereka, ini kerana sebahagian peruntukan itu akan dimasukkan semula ke dalam akaun untung rugi bank itu apabila hutang yang dikelaskan sebagai NPL dikutip semula.

Bagi tahun kewangan yang dikaji, peruntukan kerugian hutang kumpulan Maybank adalah RM2.91 bilion iaitu meningkat kira-kira 400 peratus berbanding sebelumnya.

Peruntukan am bagi hutang lapuk dan hutang ragu adalah RM2.67 bilion manakala peruntukan khas RM2.74 bilion.

Jumlah perlindungan itu, adalah 102 peratus lebih tinggi daripada jumlah NPL bank itu yang cuma RM1.94 bilion, atau 3.2 peratus daripada jumlah keseluruhan berian pinjamannya.

"Peruntukan itu terlalu tinggi dan konservatif yang menunjukkan sifat berhati-hati bank terbabit," kata penganalisis perbankan Nikko Advisory Services (M) Sdn Bhd, Dr Chong Beng Soon.

(END)